

18 MAY 1998

Komanwel-Buku

SANUSI LANCAR BUKU PANDUAN PENYOKONG SUKAN KOMANWEL 1998

LANGKAWI 18 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid hari ini melancarkan buku panduan penyokong-penyokong Sukan Komanwel 1998 peringkat Langkawi bertujuan mengumpul seberapa ramai penyokong menjelang sukan itu.

Sanusi menandatangani buku itu semasa melawat gerai promosi Sukan Komanwel sempena pelancaran kempen menanam pokok seluruh negara peringkat Langkawi di sini.

Buku itu menyediakan ruang-ruang iklan yang boleh disumbang oleh orangramai bagi menjayakan sukan kedua terbesar dunia, selepas Sukan Olimpik.

Pengarah Operasi Arasmas Utama Holding Sdn Bhd cawangan Kedah Morad Jaafar berkata sebanyak RM100,000 hingga RM200,000 menjadi sasaran untuk dikutip daripada pengusaha-pengusaha hotel dan agensi pelancongan di Langkawi.

Ia sebagai usaha mengumpul wang bagi membantu dana sukan itu, katanya kepada pemberita selepas majlis itu.

Beliau berkata sambutan kepada kutipan itu amat menggalakkan.

"Kita telah melantik sebuah syarikat di Langkawi mengutip sumbangan menerusi ruang iklan yang disediakan," katanya.

Kedah berharap dapat mengumpul RM1 juta untuk disumbang kepada dana Sukan Komanwel 1998.

Menurut Morad, nama penyumbang akan disiarkan dalam buku itu dan mereka akan diberi cenderamata termasuk sijil penghargaan. Pengecualian cukai pendapatan turut diberi kepada penyumbang.

Beliau berkata kira-kira 100,000 naskah buku panduan itu akan dicetak dan diberi secara percuma kepada negara-negara Komanwel, agensi kerajaan dan perpustakaan seluruh negara sebagai kenangan dan sejarah.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan buku itu kepada semua atlit Malaysia dua minggu sebelum sukan itu berlangsung.

Kira-kira 6,000 atlit yang mengambil bahagian pada sukan itu juga akan menerima buku panduan itu sebagai cenderamata.

-- BERNAMA

ZI NH ZB